



## SIARAN AKHBAR

### LANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM

---

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bahawa menurut Bab 13 dan 14 Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) 2010, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan pegawai-pegawai berkenaan seperti berikut:

- 1. Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar**  
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan juga selaku Pemangku Pengarah Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dilantik sebagai **ahli Lembaga Pengarah AMBD** dan seterusnya sebagai **Pengarah Urusan, AMBD**;
- 2. Yang Mulia Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu**  
Penolong Pengarah Urusan (Regulatori dan Penyeliaan) dan Pemangku Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori dan Penyeliaan) dilantik dan ditetapkan dalam jawatan **Timbalan Pengarah Urusan AMBD (Regulatori dan Penyeliaan)**;  
  
dan
- 3. Yang Mulia Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman**  
Pengurus Kanan, Bandtree Sdn Bhd yang pada masa ini diperbantukan ke Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan memangku jawatan Pengarah Urusan TAIB dilantik menjawat jawatan **Timbalan Pengarah Urusan AMBD (Monetari Operasi / Perkembangan dan Antarabangsa)**

Tarikh pelantikan pegawai-pegawai berkenaan berkuatkuasa pada hari Sabtu, 6 haribulan Safar 1441H bersamaan 5 haribulan Oktober 2019.